



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana penyedia platform media sosial sebelum jam 12.00 tengah hari, 1 April 2026

Untuk Terbitan Media  
1 April 2026

## SIARAN MEDIA

### AKTA PEKERJA GIG 2025: SISTEM PERKESO KINI BERSEDIA, FOKUS INTEGRASI BERSAMA PENYEDIA PLATFORM

**KUALA LUMPUR:** Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kini berada pada tahap kesiapsiagaan penuh bagi pelaksanaan perlindungan sosial kepada pekerja gig, termasuk melalui integrasi sistem berasaskan Antara Muka Pengaturcaraan Aplikasi (API) bersama penyedia platform.

Menurut PERKESO, integrasi ini membolehkan potongan caruman dilaksanakan secara automatik daripada setiap transaksi pekerja gig tanpa memerlukan campur tangan manual, sekali gus meningkatkan kecekapan, ketelusan dan pematuhan.

Menerusi satu kenyataan pada Rabu, PERKESO menggesa semua penyedia platform gig untuk turut bersedia dari segi sistem masing-masing agar proses penyepaduan ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan pantas.

“Langkah ini selari dengan pelaksanaan Akta Pekerja Gig 2025 (Akta 872) yang menetapkan kewajipan kepada semua penyedia platform untuk mendaftarkan pekerja gig di bawah mereka dengan PERKESO.

“Selain itu, penyedia platform yang belum berdaftar juga tetap tertakluk kepada tanggungjawab mendaftar dan memotong caruman bagi memastikan pekerja gig terus dilindungi,” menurut kenyataan tersebut.

Tambah kenyataan itu, di bawah mekanisme baharu ini, caruman pada kadar 1.25 peratus akan dilaksanakan secara automatik ke atas setiap transaksi pembayaran pendapatan sebaik sahaja sesuatu tugas diselesaikan, bagi memastikan perlindungan sosial yang lebih konsisten dan berterusan kepada pekerja gig.

Pendekatan ini bukan sahaja memperluaskan liputan keselamatan sosial, malah memastikan pekerja gig mendapat perlindungan sewajarnya tanpa menjejaskan fleksibiliti pekerjaan mereka.

Dalam perkembangan lain, statistik PERKESO menunjukkan jumlah kemalangan dilaporkan di bawah skim LINDUNG Kendiri meningkat daripada 4,021 kes pada 2023 kepada 4,839 kes pada 2024 dan seterusnya 5,496 kes pada 2025.

Dalam tempoh sama, jumlah penerima faedah turut meningkat daripada 6,294 orang direkodkan pada 2023, meningkat kepada 6,725 orang pada tahun berikutnya sebelum mencecah 7,893 orang pada 2025.

“Statistik ini memberi isyarat bahawa sudah tiba masanya aspek perlindungan sosial terhadap golongan ini diberikan perhatian yang lebih serius dan menyeluruh, selari dengan perubahan landskap pekerjaan masa kini yang semakin dinamik dan fleksibel.

“Justeru, usaha memperkukuh perlindungan bukan sahaja penting untuk menjamin kebajikan pekerja gig ketika berdepan risiko, malah memastikan nasib waris mereka terus terbela sekiranya berlaku perkara tidak diingini,” memetik kenyataan tersebut.

Di samping itu, pelaksanaan Akta 872 juga sebenarnya meletakkan Malaysia pada kedudukan strategik sebagai antara negara terawal di rantau ini yang memperkenalkan kerangka perundangan khusus bagi sektor gig secara komprehensif.

“PERKESO komited untuk terus memperluaskan capaian perlindungan sosial kepada lebih ramai pekerja, termasuk golongan bekerja sendiri, selaras dengan aspirasi untuk memastikan tiada individu tercicir daripada jaringan keselamatan sosial negara,” menurut PERKESO.

**##TAMAT##**

### **Mengenai LINDUNG**

**LINDUNG** ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**1 April 2026**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi**

**Ikliil Fatihah Kamal Redzuan**

**+6019-3273193**

[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)

**Ridauddin Daud**

**+6019-3265772**

[ridauddin.daud@perkeso.gov.my](mailto:ridauddin.daud@perkeso.gov.my)